



SEKSYEN 24(1)(b) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

WWSB

V.

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI PKCP(R) 147/2018

 PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

 PUAN FAJRUL SHIHAR BINTI ABU SAMAH

 7 APRIL 2023

Pembayar Cukai (PC) adalah sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan kontraktor kejuruteraan awam Kelas B. Pada 2010, PC telah dilantik

oleh kontraktor utama, ICSB, sebagai kontraktor penyelamat bagi Projek Dataran Usahawan Alor Setar (“Projek DUAS”) yang dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (“PKNK”). Kesemua kerja kontrak yang dilakukan oleh PC adalah bagi pihak ICSB. PC menerima bayaran daripada ICSB bagi kerja tersebut secara pembayaran berperingkat melalui Perakuan Bayaran Interim bermula dari bayaran ke-16 sehingga ke-28.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) telah melakukan audit ke atas PC dan menemui isu berkurangan lapor pendapatan kontrak berkaitan Projek DUAS berjumlah RM1,747,521 bagi tahun taksiran (“TT”) 2010. Berdasarkan penemuan audit tersebut, KPHDN membangkitkan taksiran melalui Borang J bertarikh 19 Jun 2017.

PC berhujah bahawa pendapatan kontrak yang perlu dilaporkan hanyalah sebanyak RM3,244,899.40 iaitu jumlah yang diterima daripada ICSB oleh PC.

Manakala, KPHDN menghujahkan jumlah pendapatan kontrak yang patut diiktiraf dan dilaporkan oleh PC adalah sebanyak RM4,992,420.66, merangkumi keseluruhan jumlah kontrak bagi Projek DUAS sepertimana dinyatakan dalam Perakuan Bayaran Interim, bermula dari bayaran ke-16 sehingga ke-23. Ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 24(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”). PC juga telah gagal untuk membuktikan terdapat *variation order* atau perubahan nilai kontrak yang diterima daripada PKNK sebagai pemilik projek.

Setelah mendengar hujahan dan meneliti dokumen kedua-dua pihak, PKCP memutuskan bahawa PC telah gagal membuktikan taksiran yang dibangkitkan oleh KPHDN bagi TT 2010 adalah tidak betul dan berlebihan. Ini adalah kerana ketiadaan dokumen yang berkaitan dan saksi relevan yang dipanggil untuk membuktikan kes PC. Oleh itu, PC telah gagal membuktikan rayuannya selaras dengan perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967 dan diputuskan juga bahawa KPHDN mempunyai asas undang-undang dan fakta untuk mengenakan penalti menurut seksyen 113(2) ACP 1967.

Nota Editor:

- Pembayar Cukai berhak untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.